

# PERSEPSI TERHADAP FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT PELAJAR 4SPH DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Nooraini Othman & Siti Soleha Binti Misman  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan. Kajian ini dijalankan dengan melihat kepada aspek kurikulum matapelajaran, persekitaran dan galakan keluarga dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang tersebut. Responden kajian ini terdiri daripada 127 orang pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Rekabentuk kajian adalah menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan statistik deskriptif perbandingan min. Satu set borang soalselidik telah diedarkan kepada responden bagi mengumpul data yang diperlukan. Data yang terkumpul telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 15.0. Hasil dapatan menunjukkan faktor persekitaran paling mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan, diikuti dengan faktor kurikulum matapelajaran dan faktor galakan keluarga.

**Abstract:** The purpose of this study is to identify factors perception which influence 4SPH students' interest towards entrepreneurship. This research studied the aspect of curriculum of the subject, environment and family support in influencing the students' interest. The respondents of the study are 127 fourth year students from Bachelor of Technology and Education (Living Skill). The research design involved is survey method using descriptive statistical mean analysis. A set of questionnaire was distributed to the respondents for the data collection. The data collected was analysed using *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) version 15.0. The finding shows that environment is the most influential factor in influencing the students' interest towards entrepreneurship, followed by the subject curriculum and family support.

*Katakunci:* keusahawanan, minat

## Pengenalan

Dalam menuju abad ke-21 kita dapat menyaksikan peranan usahawan sebagai penggerak utama ekonomi. Walaupun Malaysia kini sudah berjaya dari aspek keusahawanan tetapi terdapat beberapa isu dan agenda yang berkaitan masih perlu diberi perhatian. Menurut Zaidatol Akmaliah dan Habibah Elias (1997), terdapat pandangan yang menyatakan bahawa usahawan ialah orang yang sentiasa bergerak, bijak mencari peluang baru, sentiasa membawa perubahan dan modal, sumber dan usaha dalam keadaan yang baru dan yang lebih inovatif. Usahawan dikenalpasti sebagai orang yang mempunyai tingkah laku inovatif dan akan mempraktikkan pengurusan strategik dalam perniagaanya.

Penerapan ilmu keusahawanan perlu dilakukan sejak peringkat sekolah rendah bagi mencungkil bakat dan mengasah minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan (Utusan Malaysia, 28 Julai 2008). Ini bermaksud pembentukan usahawan perlu bermula sejak di bangku sekolah lagi. Pada peringkat ini, pelajar perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan supaya timbul minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Pelajar telah diajar secara teori mengenai keusahawanan melalui matapelajaran KH di tingkatan satu hingga tiga manakala matapelajaran Perdagangan dan Keusahawanan di tingkatan empat dan lima. Seterusnya pendidikan keusahawanan boleh diteruskan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat IPT dan juga IPTS khususnya. Kejayaan selalunya mengiringi usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi melalui dapatan kajian telah membuktikan bahawa tahap pendidikan dalam bidang

perniagaan mempunyai kaitan yang positif dengan tahap kejayaan seseorang usahawan (Zaidatul Akmaliah dan Habibah Elias, 1997).

### **Penyataan Masalah**

Kajian ini berdasarkan kepada persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan. Menurut Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), perkara utama yang perlu ada dalam diri seseorang usahawan itu adalah bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ini bermaksud minat perlu ada sebagai asas kepada bidang keusahawanan, dan seringkali dikaitkan sebagai pengaruh utama kepada seseorang individu dalam melakukan apa jua perkara. Minat juga dikatakan sebagai satu kecenderungan bagi seseorang untuk mengetahui, mempelajari sesuatu perkara yang menjurus mereka kepada pilihan yang diinginkan. Terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada minat pelajar iaitu faktor kurikulum matapelajaran, factor persekitaran dan faktor galakan keluarga terhadap bidang ini. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti faktor kurikulum matapelajaran dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
2. Mengenalpasti faktor persekitaran dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
3. Mengenalpasti faktor galakan keluarga dalam mempengaruhi minat terhadap bidang keusahawanan.

### **Kepentingan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti antara faktor manakah yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Hasil kajian ini akan dapat dimanfaatkan dan dapat memberikan maklumat yang lebih lanjut kepada pihak-pihak tertentu.

Hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang bidang keusahawanan. Minat merupakan faktor pendorong utama kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan selain daripada bidang yang telah dipilih. Ia juga memberi kemahiran mengenai bidang keusahawanan dari segi pengurusan kewangan, aset dan sebagainya dan ini dapat membantu pelajar untuk lebih bijak menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik dan efisien.

Kajian ini juga boleh membantu pensyarah untuk merancang dan membentuk satu garis panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mendorong pelajar-pelajar lebih berminat ke arah bidang keusahawanan dan membolehkan pensyarah memberikan sesuatu projek yang berorientasikan keusahawanan kepada pelajar untuk merangsang para pelajar dalam bidang keusahawanan, sekaligus menjadikan bidang keusahawanan ini sebagai landasan untuk pelajar menceburi bidang keusahawanan setelah memasuki alam pekerjaan.

Selain daripada itu kajian ini juga membantu pihak universiti untuk memantapkan pendidikan keusahawanan dan menerapkan nilai-nilai yang ada pada bidang keusahawanan itu sendiri seperti penyertaan pelajar ko-kurikulum dalam keusahawanan yang telah di tawarkan. Ia juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada perancang dan penggubal kurikulum topik asas pendidikan keusahawanan di universiti- universiti dalam pengubahsuaian atau penstrukturan semula kurikulum yang sedia ada.

Ia juga membantu pihak kerajaan dalam merancang dan menggubal Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia ke-10 untuk memperuntukkan bajet yang secukupnya dalam bidang keusahawanan yang merupakan penyumbang utama sumber pendapatan negara. Pihak kerajaan juga boleh menawarkan dan menyediakan kursus–kursus intensif kepada pelajar dengan kerjasama yang dijalinan antara pihak kerajaan dan universiti tempatan.

Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pengkaji–pengkaji lain yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk meneruskan kajian di dalam bidang yang sama dengan skop yang lebih luas lagi.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada kajian mengenai beberapa faktor yang telah dikenal pasti mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Kajian terhad kepada pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Faktor-faktor yang dilihat dalam kajian ini ialah kurikulum matapelajaran, persekitaran dan galakan keluarga dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

### **Metodologi**

#### **Persampelan dan Responden**

Mengenali sampel kajian adalah penting dalam menjalankan penyelidikan pendidikan kerana ia akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta beberapa banyak data-data dan maklumat yang perlu dikumpulkan (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Selain itu sampel juga menentukan masa, tenaga dan kos perbelanjaan yang dikeluarkan untuk melaksanakan penyelidikan.

Untuk tujuan tersebut, sampel kajian yang dipilih terdiri daripada semua pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia iaitu seramai 127 orang.

#### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Penyelidik akan menyediakan soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden dan bahagian B adalah berkaitan dengan maklumat yang hendak dikaji.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik digunakan kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama responden (Mohd Majid Konting, 1994). Responden bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik dan mereka tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Soal selidik mempunyai beberapa kelebihan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat. Antara kebaikan menggunakan soal selidik ialah:

- i. Kaedah ini adalah lebih cepat dan boleh menjimatkan masa dan perbelanjaan.
- ii. Responden lebih berani dan bersedia untuk memberi maklumbalas terhadap aspek yang dikaji. Oleh sebab itu penyelidik berasa lebih yakin dengan data-data yang diperolehi.

Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan persoalan kajian. Borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden yang menggunakan skala di mana soalan perlu ditanda ( $\surd$ ) pada petak yang disediakan manakala Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar Tahun 4SPH terhadap bidang keusahawanan. Skala yang digunakan untuk mengukur pemarkahan bahagian B bagi kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah skala Likert Lima Mata.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis dibuat pada semester II sesi 2008/2009 iaitu sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian dibuat dengan memilih 10 orang responden yang terdiri selain daripada pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kajian rintis ini merupakan satu kaedah biasa yang digunakan untuk menilai kesahan serta kebolehpercayaan soalan-soalan yang dikemukakan iaitu sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu ia juga bertujuan untuk mengetahui sejauhmana responden memahami item soalan yang dikemukakan. Ini bertujuan supaya penyelidik dapat menjadikannya sebagai panduan memperbaiki soalan-soalan yang dikemukakan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis diadakan sebelum pentadbiran sebenar menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999).

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003), jika nilai alpha yang diperolehi adalah di antara 0.6 hingga 0.7, ia boleh diterima. Walau bagaimanapun jika nilai alpha yang diperolehi melebihi 0.8 ianya adalah sangat baik. Ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan akan diteruskan untuk kajian sebenar.

Tujuan menjalankan kajian rintis ini terlebih dahulu adalah untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut:

- i. Untuk mengenalpasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen terhadap responden kajian terutama dalam penggunaan istilah dan struktur ayat.
- ii. Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pertanyaan dan persoalan yang digunakan ini dilakukan dengan membenarkan responden bertanya kepada penyelidik.
- iii. Untuk mengetahui sejauh manakah responden memahami kehendak soalan.
- iv. Untuk mengetahui kesesuaian soalan yang digunakan.
- iv. Untuk menjalankan analisis kesukaran dan indeks diskriminasi item.

## **Perbincangan**

### **Perbincangan Faktor Demografi**

Statistik menunjukkan bilangan pelajar perempuan adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki. Ini disebabkan oleh kecenderungan pelajar perempuan dalam memilih kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Ini berkemungkinan pelajar perempuan lebih meminati pembelajaran secara teknikal.

Dari taburan responden mengikut bangsa pula menunjukkan bilangan pelajar berbangsa Melayu adalah kumpulan majoriti dalam kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), diikuti oleh pelajar kaum Cina, India dan lain-lain bangsa yang terdiri dari kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Taburan ibu/bapa responden mengikut taraf tertinggi pendidikan menunjukkan majoriti berada pada tahap SPM/MCE/SPVM. Ini bermaksud ibu bapa pelajar mempunyai taraf pendidikan pada peringkat sekolah menengah dan terdapat segelintir ibu bapa yang berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti. Semakin tinggi tahap pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa pelajar maka semakin besar dalam mempengaruhi gaya hidup pelajar tersebut di mana pelajar akan diberi pendedahan sepenuhnya daripada ibu bapa terutamanya dalam penentuan kerjaya pelajar dan sesuatu perkara yang diminati.

Statistik menunjukkan tingkatan pendapatan keluarga responden majoritinya pada tingkatan pendapatan sebanyak RM1001 hingga RM2000. Bagi keluarga yang berpendapatan melebihi RM3001 diandaikan keluarga tersebut menjalankan perniagaan atau terlibat dengan aktiviti keusahawanan. Ini kerana bidang keusahawanan menjanjikan keuntungan yang berlipat kali ganda dan meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga. Pengaruh dari segi keuntungan kewangan yang diperolehi hasil daripada bidang perniagaan dapat menarik minat dan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Keluarga yang terlibat dengan perniagaan lebih banyak kepada ibu/bapa saudara diikuti oleh ibu bapa responden. Keterlibatan ahli keluarga yang terlibat dengan perniagaan kurang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Ini kerana mereka tidak minat atau tidak didedahkan dengan dunia keusahawanan sejak awal lagi.

### **Faktor Kurikulum Matapelajaran**

Mok Soon Sang (2002) menyatakan bahawa kurikulum sebagai segala rancangan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan yang mengandungi segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur kebudayaan pada ahli-ahlinya.

Kurikulum merupakan dasar dalam penggubalan sukatan atau isi pelajaran di sekolah atau pusat pengajian tinggi. Kurikulum yang sesuai dan menarik boleh mengubah tanggapan atau menarik minat pelajar terhadap sesuatu matapelajaran. Hasil dapatan yang diperolehi dari item 10 jadual 4.6 mendapati min yang tinggi iaitu 3.97 menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa subjek asas perdagangan dan asas pemasaran adalah penting dalam memberikan pendedahan asas kepada pelajar. Responden juga menyokong tinggi bagi item 8 yang menyentuh aspek-aspek ciri-ciri usahawan.

Dalam mencapai matlamat ke arah negara industri atau negara maju, seharusnya pendedahan dalam pendidikan keusahawanan adalah lebih luas dan secara menyeluruh. Keseluruhan aspek yang berkaitan dengan perniagaan boleh dipelajari sebagai asas pemangkin kepada bidang keusahawanan. Ini disokong oleh kenyataan Moha Asri Hj. Abdullah (1997), para pengusaha dan usahawan industri kecil memainkan peranan dalam pertubuhan dan perkembangan ekonomi negara. Mereka merupakan individu yang mempunyai inisiatif dan pemikiran yang berinovatif dalam memilih untuk mempergiat diri dalam bidang perniagaan. Seterusnya kepentingan usahawan juga menyatakan budaya berniaga dianggap penting dalam pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Perniagaan secara kecil-kecilan dan sederhana dianggap amat perlu dalam pembangunan ekonomi negara.

Dalam mengejar pembangunan ekonomi, pendidikan seharusnya juga memberi pendedahan yang luas tentang senario ekonomi atau latar belakang mengenai perniagaan sejak awal iaitu di peringkat alam persekolahan lagi. Menurut Ishak Ramly (2003), kurikulum memberi gambaran kehidupan di persekitaran sekolah dan merealisasikan kehidupan selepas meninggalkan alam persekolahan. Matlamat dasarnya adalah mencapai kecemerlangan dan boleh memenuhi keperluan guna tenaga yang diperlukan.

Kepentingan kurikulum ini disokong lagi oleh Ishak Ramly (2003) yang menyatakan rekabentuk kurikulum yang unggul menjadikan sesebuah negara itu maju dan membangun. Amalan itu dijalankan di

kebanyakan negara maju yang berusaha membangunkan kurikulumnya sejajar dengan keperluan dan matlamat pembangunan negara. Kejayaan masyarakat ditentukan oleh kurikulum sekolah yang dilaksanakan sekarang dan juga kesepaduan yang diterapkan di peringkat universiti.

Secara purata taburan peratusan responden yang menyokong bahawa factor kurikulum matapelajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah pada tahap sederhana. Ini merupakan tahap yang boleh dikawal dan boleh diperbaiki di masa akan datang supaya menjadikannya faktor yang tinggi menyumbang ke arah minat pelajar.

Kurikulum matapelajaran perdagangan dan keusahawanan sebagai matapelajaran teras program Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) menunjukkan isi kandungannya mungkin kurang menarik minat pelajar menyebabkan pelajar tahun 4SPH tidak meminati sepenuhnya subjek ini. Tumpuan yang agak tinggi adalah pada tajuk asas perdagangan dan asas pemasaran.

Secara keseluruhannya dari kenyataan yang telah dibincangkan jelaslah factor kurikulum merupakan faktor yang penting dalam meningkatkan dan mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

### **Faktor Persekitaran**

Hasil daripada analisis mendapati faktor persekitaran mendapat nilai min tertinggi iaitu 3.81 dalam tahap tertinggi. Faktor persekitaran ini seperti bilangan premis perniagaan di kawasan tempat tinggal responden, aktiviti perniagaan, media massa termasuk media cetak dan elektronik, dan kemudahan internet.

Persekitaran ialah segala keadaan di sekeliling termasuk persekitaran fizikal, iklim, sosiobudaya, politik dan interaksi antara sesama manusia serta alam sekitarnya (Lee Shok Mee, 1996). Ini menunjukkan persekitaran merangkumi semua keadaan yang dapat mempengaruhi tingkah laku pertumbuhan dan perkembangan diri individu sama ada secara langsung iaitu daripada manusia yang berada di sekeliling mereka atau pun secara tidak langsung melalui sebaran-sebaran am seperti radio, televisyen mahupun akhbar-akhbar.

Analisis item bagi aspek persekitaran mendapat peratus responden bersetuju yang tinggi. Contohnya item 20 yang menyatakan banyak panduan untuk seseorang itu menjadi seorang usahawan seperti kemudahan internet dan akhbar-akhbar mendapat peratusan bersetuju yang tinggi iaitu 89.8%. Dapatan yang tinggi juga merujuk kepada item yang berkaitan kewujudan premis-premis perniagaan yang banyak di tempat tinggal responden. Manakala aspek persekitaran yang kurang membantu dalam mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan ialah item 14 mengenai penawaran subjek keusahawanan dalam pengurusan Ko-kurikulum.

Menurut Quek Aik Sin (1998), persekitaran yang dimaksudkan adalah objekobjek yang berada di sekitar individu atau masyarakat yang mana ianya boleh mempengaruhi individu atau masyarakat itu sendiri. Menurut Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahadzan Ayob (1991) pula menyatakan bahawa terdapat tindakbalas yang berterusan di antara organisma dan persekitaran. Ini bermaksud individu membuat perubahan dalam persekitaran dan persekitaran pula menjadi pelengkap kepada individu.

Memang tidak boleh dinafikan, persekitaran memang sentiasa membantu dan mempengaruhi dalam kehidupan manusia. Pendapat ini disokong oleh Mok Soon Sang (2002) menyatakan masyarakat merupakan alam kehidupan manusia. Kebudayaan dan kepercayaan masyarakat yang berbeza mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dalam aspek sosioekonomi, personaliti dan mental.

Dalam konteks kajian ini, jelaslah bahawa suasana persekitaran mampu mempengaruhi minat pelajar ke arah bidang keusahawanan. Sebagai contoh premis-premis perniagaan yang banyak tumbuh seperti tumbuhnya cendawan selepas hujan yang berkembang maju sudah cukup membuktikan bahawa dunia perniagaan sentiasa berkembang pesat dalam membangunkan ekonomi negara.

Secara keseluruhannya faktor persekitaran amat mempengaruhi dalam kehidupan manusia sama ada dari segi pembentukan budaya, sosial dan penentuan corak ekonomi diri dan masyarakat itu sendiri.

### **Faktor Galakan Keluarga**

Ibu bapa seharusnya sentiasa bertanggungjawab pada anak-anak mereka bukan setakat memberi keperluan asas seperti pakaian, makanan, perlindungan, didikan agama dan sebagainya malah ibu bapa juga seharusnya mengambil tahu perkembangan pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa yang mengambil tahu perkembangan pendidikan anak-anak mereka akan dapat sama-sama menyelesaikan masalah anak-anak mereka dalam pelajaran. Ibu bapa juga merupakan orang yang memberi sokongan moral dan semangat belajar kepada anak-anak mereka. Disamping itu ibu bapa juga mempunyai pengaruh dalam membentuk hala tuju anak-anak mereka berdasarkan minat yang ditunjukkan.

Ibu bapa merupakan komponen penting untuk menimbulkan minat dan seterusnya mengekalkan minat anak-anak untuk mempelajari sesuatu bidang ilmu. Pengaruh ibu bapa terhadap pembelajaran boleh memberikan dorongan kepada pelajar supaya lebih berminat walaupun minat kerja yang ada pada seseorang itu pada mulanya tidak mencerminkan keinginan mereka (Crow dan Crown, 1980).

Menurut Frazer ( 1959 ), sikap ibu bapa yang positif terhadap pendidikan serta galakan yang diberikan terhadap pembelajaran anak-anak mereka akan meningkatkan minat serta pencapaian mereka dalam bidang pelajaran.

Hasil yang diperolehi dari analisa data mendapati majoriti keluarga menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Ini boleh dibahagikan dengan galakan dari segi dorongan dan pujian kepada anak-anak terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Keadaan ini merupakan dorongan dalaman dan bentuk penghargaan kepada mereka agar lebih bersemangat dan boleh mempengaruhi perubahan sikap anakanak ini kepada yang lebih baik.

Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti keluarga memberikan sokongan apabila anak-anak mereka melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Perkara ini berlaku kerana berkemungkinan latar belakang keluarga itu sendiri yang mempunyai pengalaman atau pernah berkecimpung dalam bidang perniagaan. Keluarga juga boleh memberikan sokongan dalam bentuk kewangan atau pun moral kepada anak-anak mereka. Walaupun demikian keluarga seharusnya berusaha memupuk minat anak-anak mereka dan mendorong mereka untuk terus berusaha dalam bidang perniagaan yang diceburi.

Terdapat juga keluarga pelajar yang terlibat dalam perniagaan secara kecilkecilan. Secara tidak langsung ini dapat menyokong minat pelajar itu sendiri terhadap bidang keusahawanan. Keterlibatan ahli keluarga pelajar tersebut juga memberi peluang kepada pelajar dalam memahami dan mempelajari selok-belok perniagaan dan sedikit sebanyak mempengaruhi minat pelajar terbabit dalam hal-hal perniagaan. Berkemungkinan besar perniagaan keluarga akan diwarisi oleh anak-anak kelak. Untuk melengkapkan diri dalam bidang yang serba mencabar ini, anak-anak mereka perlu mengetahui tentang pengurusan perniagaan yang akan mereka warisi. Jadi daripada tanggungjawab tersebut maka minat itu dapat dipupuk sejak awal lagi.

Melalui analisis dapatan kajian ini mendapati faktor galakan keluarga adalah amat kurang dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Ini adalah kerana latar belakang keluarga pelajar 4SPH itu sendiri yang kurang memberikan sokongan sepenuhnya terhadap bidang keusahawanan.

### **Rumusan**

Hasil daripada kajian mendapati secara keseluruhannya persepsi terhadap factor-faktor yang telah dinyatakan sebagai faktor utama dalam mempengaruhi minat pelajar 4SPH terhadap bidang keusahawanan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan di mana faktor persekitaran paling tinggi mempengaruhi minat pelajar dan seterusnya diikuti oleh faktor kurikulum matapelajaran dan faktor galakan keluarga. Walau bagaimanapun semua pihak perlu berusaha untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dan keterlibatan pelajar 4SPH sendiri supaya dapat digunakan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka dan seterusnya membudayakan sikap usahawan dan keusahawanan.

### **Rujukan**

- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004). *Prinsip Keusahawanan Edisi Kedua*. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Ab. Aziz Yusof (2001). *Usahawan Dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Crow and Crown (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Putaka.
- Crow, L.D. dan Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dollinger M. (1995). *Enterpreneurship: Strategies And Resources*. Irwin Publishing: Illinois.
- Ee Ah Meng (1988). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih (Edisi Kedua)*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Frykland V.C. (1950). *Trade and Job Analysis*. New York: The Bruce Publishing Co.
- Hairunnaja Najmuddin (2005). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. PTS Professional: Publishing Sdn. Bhd.
- Hisrich R.D. (1995). *Entrepreneurship: Starting, Developing And Managing A New Enterprise*. Irwin Publishing: Boston.
- Juhary Hj. Ali & Ishak Ismail (1991). *Prinsip dan Amalan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan *Edisi Ketiga* (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan *Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.



Kamus Dewan (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Khashiatul-Fauziah Binti Hamzah (2003). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Batu Pahat.* UTM: Tesis Sarjana Muda (Tidak diterbitkan).

Kirby D. (1992). *Developing Graduate Entrepreneurs: Entrepreneurship, Innovation And Change.* United Kingdom: The U.K. Enterprise.